

OKT - DIS
Oktober - November - Disember

2025M
Bil 4 • Tahun 37

**Rabiulakhir hingga
Rejab 1447H**



3

**BERKENAN BERANGKAT
KE MAJLIS KONVOKESYEN
KUPU SB KE-15**



6

**PERTEMUAN MENTERI-
MENTERI AGAMA MABIMS
KALI KE-21 DAN MESYUARAT
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
(SOM) KE-49**



9

**SESI
PERMUZAKARAHAN
KHEU BERSAMA AHLI-
AHLI MMN**

Aspirasi Kecemerlangan Akademik KUPU SB

5

Peletakan Batu Asas Sekolah Ugama Kampong Bolkiah

II

Pertukaran Nama SMALHB Kepada Nama Baharu Rasmi STA HB

12

**Hari Apresiasi
KHEU 2025**

13

Program Peduli Ummah: Brunei 4 Gaza – Solidariti Masyarakat Brunei untuk Palestin

18

Penandatanganan Perjanjian Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji NBD Tahun 1447H/2026M

19

Galakkan Penglibatan Belia dalam Aktiviti Amal

21

Peserta Negara Mengikuti 32nd World Competition Of The Noble Qur'an

29

50 Peserta Program Bimbingan Umrah untuk Muallaf

33

Projek Fathul Ilmi 1.0 Bantu Anak-Anak Muallaf

36

DOA RAHMAT DAN KESIHATAN

...أَنِّي مَسْنِي الضُّرِّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ ﴿٨٣﴾

Mafhumnya:

...Sesungguhnya aku ditimpa penyakit dan Engkau adalah Maha Pengasih daripada sekalian yang pengasih.

Surah al-Anbiyaa':83

Lidah
Pengarang

BERSEDEKAH AMALAN MULIA

A gama Islam menggalakkan umatnya untuk saling bantu-membantu antara satu sama lain dalam perkara kebaikan dan salah satu daripadanya adalah dengan bersedekah. Sedekah bererti suatu pemberian yang diberikan oleh seseorang sebagai amal kebajikan untuk mencari dan mengharap keredhaan daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* semata-mata. Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Hakim bin Hizam *Radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah bersabda yang maksudnya:

"Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah. Dan mulailah dari orang yang menjadi tanggunganmu. Dan sebaik-baik sedekah adalah yang dikeluarkan dari orang yang tidak memerlukannya. Barang siapa menjaga kehormatan dirinya maka Allah akan menjaganya dan barang siapa yang merasa cukup maka Allah akan memberikan kecukupan kepadanya."

Justeru itu, kita digalakkan untuk memperbanyakkan sedekah kerana amalan ini memiliki pelbagai manfaat dan rahsia kepada pengamalannya, antaranya adalah; sedekah dapat meningkatkan keimanan dan rasa kesyukuran, menghindarkan diri dari sifat materialistik dan sifat kedekut. Dan ketahuilah juga, sesungguhnya Allah akan meluaskan rezeki mereka yang suka bersedekah sepertimana firman-Nya dalam surah al-Hadiid terjemahan makna ayat 18:

Sesungguhnya orang-orang yang bersedekah laki-laki dan perempuan serta (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (dengan membelanjakan harta kepada jalan Allah) akan digandakan ganjaran kepada mereka dan mereka akan beroleh pahala yang banyak.

Oleh yang demikian, bagi memastikan agar sedekah kita itu tidak sia-sia, Islam mengajar umatnya untuk menyumbang dan bersedekah dengan menepati erti sedekah yang sebenar. Kita perlulah melakukannya dengan ikhlas kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Semoga dengan amalan bantu-membantu dan bersedekah, kita akan terus mendapat berkat, rahmat dan redha dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Aamiin Ya Rabbal Aalamiin. ■

Anggota Redaksi

PENASIHAT: Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, *Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **PENOLONG**
PENASIHAT: Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, *Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* •
KETUA EDITOR: Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, *Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENOLONG**
KETUA EDITOR: Qairunnisa binti Haji Jalil, *Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENYELARAS:**
Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Jamaluddin (SKIPPA) • Azizah binti Hidup • Dahlan bin Chuchu •
KUMPULAN TENAGA KERJA: Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zeliha bin Ahad •
Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Suriati binti Haji Ali Hussin • Pengiran Yusdi bin Pengiran Rumbli •
PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK: Mohamad Zeliha bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:**
Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan
Penerangan •

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS KONVOKESYEN KUPU SB KE-15

Oleh : Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Jamaluddin



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) ke Majlis Konvokesyen KUPU SB kali ke-15 di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

GADONG, Khamis, 24 Rabiulakhir bersamaan 16 Oktober - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan ijazah dan diploma kepada 225 graduan pada Majlis Konvokesyen KUPU SB ke-15, Tahun 1447H/2025M di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam

Majlis Konvokesyen KUPU SB ke-15 dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan diteruskan dengan bacaan Asmaul Husna.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman. Turut menjunjung keberangkatan tiba, Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dan Pemangku Pendaftar KUPU SB, Awang Adi Rani Soffian bin Abdul Rahman.

Perarakan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia didahului dengan pengusungan Mushaf Al-Qur'an yang dibawa masuk ke dalam dewan oleh Penulis Mushaf KUPU SB, Awang Mohd. Adi Yusnira bin Haji Johari.

Majlis kemudian diteruskan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an, surah al-Hujurat, ayat 4 hingga 7 beramai-ramai oleh para graduan Konvokesyen KUPU SB Ke-15. Inti sari ayat dibacakan oleh graduan Program Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab), graduan Program Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Pendidikan Islam), Awang Abdul Wafi bin Haji Abdul Rahman manakala bacaan hadits pula disampaikan oleh graduan Program Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab), Awang Mohammad Hadi Shahril bin Haji Mesli. **>> 4 m.s.**





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah dan diploma kepada antara penerima-penerima graduan.

«3 Majlis Konvokesyen KUPU SB diteruskan lagi dengan sembah alu-aluan oleh Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir. Pada majlis berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.



Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada 225 graduan yang mengikut bidang masing-masing iaitu seorang graduan dianugerahkan dengan Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama dalam bidang Pendidikan Islam dan 21 graduan menerima Ijazah Sarjana Perguruan Ugama dalam bidang Bahasa Arab, bidang Kajian Ahli Sunnah wal Jama'ah, bidang Pendidikan Islam, bidang Sejarah dan Tamadun Islam, bidang Syari'ah dan juga bidang Usuluddin.



Manakala, seorang graduan dianugerahkan Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah (Bahasa Arab); 14 graduan dianugerahkan Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah manakala 30 graduan dianugerahkan Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah (Pendidikan Islam).

Selain itu, empat graduan menerima Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab) manakala 72 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) dengan

minor tertentu iaitu Minor Pengajian Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Seni Al-Qur'an, Bimbingan dan Kaunseling, Dakwah dan Kepimpinan, Fiqh Ahli Sunnah wal Jama'ah, Fiqh Ahwal Syakhshiah, Inovasi dan Teknologi Pendidikan Islam, Keusahawanan dalam Pendidikan Islam, Kewangan Islam, Pendidikan Awal Kanak-kanak, Pendidikan Keluarga Islam, Pendidikan Khas dan Pendidikan Melayu Islam Beraja.

Manakala lima graduan dianugerahkan Diploma Tertinggi Perguruan

Ugama (Pendidikan Bahasa Arab) dan 77 graduan dianugerahkan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Islam). Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya dijunjung penandatanganan Lembaran Kenangan dan seterusnya menyaksikan Pameran. ■

ASPIRASI KECEMERLANGAN AKADEMIK KUPU SB

Oleh : Mohamad Zelihaan Ahad



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat majlis bersama hadir Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama di Majlis ASPIRASI Kecemerlangan Akademik KUPU SB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Rabiulakhir bersamaan 16 Oktober - Sempena Majlis Konvokesyen ke-15, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan Majlis Aspirasi Kecemerlangan Akademik bertempat di Tarindak D'Seni, Jalan Residency, Bandar Seri Begawan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan anugerah dan hadiah akademik kepada penerima serta sijil kepada para penaja dan penyumbang.

Pada majlis tersebut, KUPU SB mengorak langkah mencapai kecemerlangan dalam bidang pengajaran dan penyelidikan, melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan lapan buah agensi dan institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara.

Penandatanganan MoU tersebut termasuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Universiti Brunei Darussalam; Mitsubishi Corporation; Universitas Hasyim Asy'ari Tebuireng Jombang, Republik Indonesia; Universitas Negeri Surabaya, Republik Indonesia;

Universitas Mulawarman, Samarinda, Republik Indonesia; Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Malaysia; dan Kolej Poly-Tech MARA, Malaysia.

Menandatangani perjanjian bagi pihak KUPU SB ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, dengan disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Penandatanganan ini merupakan salah satu bentuk respons bagi meningkatkan lagi kerjasama dan perkongsian pengalaman serta amalan terbaik di antara KUPU SB dengan pelbagai agensi dan institusi pengajian tinggi di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Bidang kerjasama tersebut meliputi pertukaran pelajar dan kakitangan, pertukaran penerbitan, program kerjasama penyelidikan juga pengajaran dan kerjasama dalam mana-mana bidang-bidang yang memberikan manfaat kepada dua-dua belah pihak.

Majlis malam itu juga menyaksikan penerimaan sumbangan Waqaf Tarbiyah daripada graduan Konvokesyen Ke-15 KUPU SB. Waqaf Tarbiyah daripada para graduan ini secara tidak langsung merupakan satu manifestasi dan simbol penghargaan para graduan kepada KUPU SB amnya dan para staf akademik KUPU SB khasnya atas sumbangan khidmat yang diberikan semasa pengajian mereka.

Turut hadir di majlis tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; para jemputan-jemputan khas, Ahli-ahli Majlis KUPU SB, pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan KUPU SB di samping para penerima anugerah dan hadiah akademik yang diraikan. ■



PERTEMUAN MENTERI-MENTERI AGAMA MABIMS KALI KE-21 DAN MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN (SOM) KE-49

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim

MALAYSIA, Ahad, 27 Rabiulakhir bersamaan 19 Oktober – Pertemuan Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) Kali Ke-21 dan Mesyuarat SOM kali ke-49 diadakan di Melaka, Malaysia.

Pertemuan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Malaysia; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam; Yang Terhormat Bapak Prof. Dr. Nasaruddin Umar, M.A., Menteri Agama Republik Indonesia; Yang Berhormat Prof. Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim, Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam, Menteri Negara Kanan Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura serta Yang Berhormat Neak Okhna Datuk Dr. Othman Hassan, Menteri Kanan, Misi Khas (Hal Ehwal Islam) Kerajaan Kemboja selaku negara pemerhati.

Selain Pertemuan MABIMS kali Ke-21 dan Mesyuarat SOM kali ke-49, pelbagai aktiviti sampingan telah



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa Pertemuan Menteri-Menteri Agama Mabims Kali Ke-21 dan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (Som) Ke-49 di Melaka, Malaysia.

diadakan iaitu Forum Perdana Ehwal Islam Serantau; Program Komuniti 'Semanis MABIMS, Seharum Serantau'; Melaka International Halal Festival (MIHF'25); MABIMS Halal Summit 2025; dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Halal MABIMS.

MABIMS turut melancarkan Rancangan Strategik (RS) MABIMS 2026 – 2030 yang memperbaharui RS MABIMS 2021 – 2025. MABIMS berbangga dengan pencapaian yang telah dicapai sebelum ini, terutamanya dalam aspek pelaksanaan dasar, pengurusan institusi agama, penyelarasan taqvim hijriah dan pembangunan sistem pengurusan halal yang semakin efisien dan inovatif. Kejayaan ini adalah hasil daripada

kerjasama serantau yang erat dalam kalangan negara anggota MABIMS. RS MABIMS bukan sahaja menjadi panduan, tetapi juga sebagai rujukan pelaksanaan program-program MABIMS.

Penganjuran MABIMS kali ini diyakini akan terus memperkukuh sinergi serantau demi kesejahteraan ummah dan masa depan yang lebih gemilang. Komitmen yang dizahirkan adalah untuk memastikan platform MABIMS terus relevan, dinamik dan berdaya saing dalam menghadapi pelbagai cabaran, serta menjadi contoh terbaik kerjasama serantau dalam bidang hal ehwal Islam.

Pertemuan MABIMS kali Ke-22 akan diadakan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2027.

Turut menyertai rombongan Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam ke Pertemuan MABIMS kali Ke-21 ialah Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, selaku Ketua SOM Negara Brunei Darussalam beserta Pegawai-Pegawai Sekretariat MABIMS Negara Brunei Darussalam.



DELEGASI Brunei Darussalam di Pertemuan MABIMS Kali Ke-21 dan Mesyuarat SOM kali ke-49.

MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA KETUA-KETUA PERWAKILAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG BAHARU DILANTIK

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



MENTERI Hal Ehwal Ugama menerima kunjung hormat daripada ketua-ketua perwakilan yang baharu dilantik.

BERAKAS, Khamis, 8 Jamadilawal bersamaan 30 Oktober –

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama petang tadi menerima kunjungan hormat daripada Ketua-Ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baharu dilantik iaitu Tuan Yang Terutama Adnan bin Haji Mohd. Ja'afar, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Amerika Syarikat; Tuan Yang Terutama Wan Hadfi Lutfan bin Haji Abdul Latif, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jepun; Tuan Yang Terutama Haji Sulaini bin Haji Said, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kuwait; Tuan Yang Terutama Kapten (B) Haji Mohamad Sarif Pudir bin Matseruddin, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Kesatuan Myanmar; Puan Yang Terutama Ang Lay Ling, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Kanada; dan Puan Yang Terutama Siti Arnyfariza binti Haji Mohd. Jaini, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik India. Kunjung hormat diadakan di Bilik Dhiyafah, Bangunan Tambahan,

Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis.

Ketua-Ketua Perwakilan tersebut telah menerima Surat-surat Watikah Pelantikan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 18 Oktober 2025.

Kunjungan hormat ini merupakan penghargaan dan sokongan terhadap para perwakilan diplomatik yang akan menjalankan amanah negara di luar negeri, serta mencerminkan

kerjasama erat antara institusi agama dan hal ehwal luar negeri dalam memperkukuh peranan dan imej Negara Brunei Darussalam di persada antarabangsa.

Turut hadir semasa majlis petang tadi ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abd Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadibran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■



MUNAJAT KHAS KALI KE-204 SEMPENA JUBLI DELIMA PUSAT DA'WAH ISLAMIAH,

Oleh : Pengiran Yusdi Pengiran Rumbli



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Jamadilawal bersamaan 25 Oktober – Al-Qur'an dan al-Hadits ada menyebutkan mengenai

angka 40 di beberapa tempat secara umumnya membawa maksud simbol kedewasaan, kematangan, kekuatan, kesatuan dan perubahan ke arah yang lebih baik. Dengan usia penubuhan Pusat Da'wah Islamiah (PDI) yang mencecah 40 tahun, kita berharap dan percaya bahawa da'wah telah pun matang, kukuh, kuat dan mampu berubah atau transformasi sesuai dengan peredaran zaman. Da'wah hendaklah diteruskan walau apa pun cabarannya kerana selain da'wah itu tugas kita selaku pengikut baginda Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, ia juga sebenarnya ciri khusus atau keistimewaan kita umat Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Oleh itu, berdakwah dan teruslah berdakwah dengan ilmu dan sesuai dengan kapasiti masing-masing.

Demikianlah antara intipati tazkirah bertajuk Empat Dekad Satu Amanah yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Muhammad Naqib bin Haji Awang, Penolong Ketua Bahagian Media (Multimedia Da'wah), Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi menyerikan Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama kali Ke-204 sempena Jubli Delima Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Munajat Khas disebarkan oleh para pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah yang bersiaran secara maya dari Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah. Turut menyertai, para jemaah dari beberapa buah masjid, dan warga kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama serta individu dari kediaman masing-masing.

Acara dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dipimpin oleh Yang Mulia Awang

Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Diikuti dengan bacaan surah Fushshilat beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar, Penolong Ketua Bahagian Penyebaran Da'wah (Kaunseling), Pusat Da'wah Islamiah. Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Yang Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Penolong Pengarah, Pusat Da'wah Islamiah. Selesai Tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat as-Syifa beramai-ramai oleh para pegawai dan kakitangan, Pusat Da'wah Islamiah. Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Mulia Awang Muhammad Najib bin Haji Awang, Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah (Ceramah), Pusat Da'wah Islamiah. ■

SESI PERMUZAKARAHAN KHEU BERSAMA AHLI-AHLI MMN

Oleh : Dahlan Chuchu



SESI Permuzakarah berlangsung bertempat di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Jamadilawal bersamaan 19 November – Program Keusahawanan Asnaf PROPAZ kini berada di Fasa 3 dengan 13 peserta menjalani latihan praktikal di Kafe Pengupayaan Asnaf. Latihan meliputi 4 bahagian iaitu: hot kitchen; barista; pengendalian Point of Sale (POS) System; dan penyelenggaraan ruang kafe dan dapur.

Pengurusan zakat juga diperkukuh melalui penambahbaikan proses *inquiry*, kerjasama rapat dengan JAPEM dan pemimpin masyarakat, penggunaan *Microsoft 365 Teams* bagi pemantauan serta pengurusan data yang cekap. Pembangunan sistem tempahan dalam talian untuk pembayaran zakat sedang dalam proses ujikaji dan dalam fasa akhir perlaksanaannya. Usaha-usaha promosi juga dilaksanakan melalui media sosial, siaran radio harian dan penerbitan video dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei (RTB).

Pembangunan masjid di bawah RKN menunjukkan kemajuan dengan tiga projek (RPN Lumut, RPN Rimba dan RPN Lugu) sedang dalam pembinaan

dan dijangka siap pada tahun 2026. Tujuh projek lain berada dalam fasa tender atau rekabentuk dan dijangka siap antara 2027 hingga 2030.

Di bawah Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid, Projek Kampung Lamunin dan Kampung Ukong sedang dilaksanakan, manakala beberapa projek lain berada dalam fasa rekabentuk dan penyediaan dokumen tender. Dari Januari hingga September 2025, sebanyak 154 program masjid telah dijalankan merangkumi Bahagian Imarsh, Hal Ehwal Muslimah, Bahagian Belia dan Bahagian Bimbingan dan Latihan.

Pematuhan halal dipantau melalui pemeriksaan berkala dan mengejut di kedai serta premis makanan. Usaha untuk menubuhkan Rakan Belia Halal (RaBeLa) sedang dirancang bagi mengembangkan penglibatan belia dalam ekosistem halal.

Dari segi penyampaian perkhidmatan, penambahbaikan TPOR yang menetapkan tempoh pemprosesan 44 hari bekerja meningkatkan kadar pematuhan daripada 29% kepada 86%. Mulai 1 Januari 2025 sehingga

23 Oktober 2025, sebanyak 781 permohonan diterima, dengan majoriti telah diluluskan (66%), 28% masih dalam proses, 2% merupakan pengecualian dan 4% adalah permohonan yang dibatalkan.

Perkara tersebut antara yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama di dalam Ucapan Alu-aluan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama di Sesi Permuzakarah antara Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang dilantik dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama (Bagi Majlis Mesyuarat Negara kali Ke-22, Tahun 2026M) bertempat di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Diikuti dengan ucapan balas daripada Ketua Rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, yang antara lain, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir menaruh harapan melalui perkongsian penerangan dan fungsi infrastruktur Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam sesi

10



SESI bergambar ramai Ahli-ahli Permuzakarah KHEU bersama Ahli-ahli MMN

«9 permuzakarah ini akan dapat memberikan ilham dan buah fikiran kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam misi mendapatkan maklumat serta memberikan pandangan dan cadangan antara kedua-dua belah pihak sebagai salah satu platform ke arah membina lagi mutu perkhidmatan yang sedia ada di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis diteruskan dengan taklimat disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama yang menerangkan mengenai pencapaian Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan memfokuskan kepada topik-topik iaitu: Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2025-2029 yang menetapkan hala tuju baharu bagi memperkasa perkhidmatan ugama yang berkualiti dan berinovatif; rumusan sesi dialog Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama pemimpin akar umbi dan pihak berkepentingan yang telah diadakan di keempat-empat daerah pada bulan Julai lalu adalah sebagai platform untuk bertukar pandangan, mengenalpasti cabaran dan merangka strategi penambahbaikan perkhidmatan ugama; rumusan dapatan kaji selidik mengenai tahap

kepuasan orang ramai terhadap Perkhidmatan Ugama Kementerian Hal Ehwal Ugama; Proses Kerja Sistem Kebajikan Negara (SKN) Pengurusan Tekad Pemedulian Orang Ramai yang secara keseluruhannya ialah usaha penambahbaikan proses kerja Sistem Kebajikan Negara dalam pengurusan hal ehwal zakat; dan Pengurusan Bangunan dan Pemeliharaan serta Fasiliti Masjid-Masjid di Negara Brunei Darussalam.

Atur cara diteruskan dengan sesi permuzakarah antara Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sesi permuzakarah ini merupakan manifestasi usaha strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan ugama di negara ini ke tahap yang lebih tinggi selain untuk mencari jalan penyelesaian bagi isu-isu berbangkit, menambahbaik cara pelaksanaan perkhidmatan ugama dan juga menjadi wahana "learning zone" kepada kedua belah pihak.

Terdahulu, sebelum perjumpaan muhibbah bermula, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara berpeluang menyaksikan pameran (Showcase) mengenai Proses Kerja

Pengurusan Perkhidmatan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) bagi Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Jabatan Hal Ehwal Masjid, dan Jabatan Hal Ehwal Syariah di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadir sama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Sellahuddin, Ahli Majlis Ugama Islam Brunei; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Dr Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha, Pemangku Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Yang Mulia Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abd Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama; serta Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■

PELETAKAN BATU ASAS SEKOLAH UGAMA KAMPONG BOLKIAH

Oleh : Azizah Hidup



ACARA menuang simen disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Jamadilawal bersamaan 5 November - Penduduk Kampung Bolkiah dan kawasan sekitarnya akan mempunyai sebuah bangunan sekolah ugama baharu yang dibina di atas sebidang tanah berkeluasan 5.5 ekar.

Sehubungan itu, Majlis Peletakan Batu Asas bagi bangunan baharu sekolah tersebut diadakan di Tapak Sekolah Ugama Kampung Bolkiah, Jalan Kasat.

Majlis Peletakan Batu Asas tersebut disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh. Turut hadir, Yang Mulia Pengiran Dato

Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-Setiausaha Tetap, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta para pegawai kanan dari kementerian-kementerian berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah, diikuti dengan laungan azan dan bacaan zikir secara beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Pengiran Mohd Amiruddin bin Pengiran Haji Tejudin, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kampung Kasat, Zon 1 Daerah Brunei dan Muara.

Seterusnya, acara menuang simen yang didahului oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri Pembangunan; Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan diikuti oleh para jemputan khas yang lain.

Acara diteruskan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh pihak Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, dengan menunjukkan lukisan reka bentuk bangunan baharu Sekolah Ugama Kampung Bolkiah.

Bangunan baharu Sekolah Ugama Kampung Bolkiah ini dijangka siap pembinaannya pada bulan November 2026 menggunakan peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Kedua Belas (RKN-12) Kementerian Hal Ehwal Ugama serta peruntukan dari Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah dengan anggaran berjumlah BND12.4 juta.

Selain digunakan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran persekolahan ugama, bangunan baharu tersebut juga akan berfungsi sebagai sekolah gunasama di bawah Kementerian Pendidikan bagi menempatkan sesi persekolahan umum peringkat rendah untuk penduduk Kampung Bolkiah dan kawasan sekitarnya. ■

PERTUKARAN NAMA SMALHB KEPADA NAMA BAHARU RASMI STA HB

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengunjungi galeri yang memaparkan sejarah sekolah sejak ia mula ditubuhkan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Jamadilawal bersamaan 18 November - Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Pengemaskinian Nama Sekolah daripada Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) kepada nama baharu yang rasmi iaitu Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah (STA HB).

Majlis doa kesyukuran tersebut diadakan di dewan sekolah tersebut dan diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Sellahuddin, Ahli Majlis Ugama Islam Brunei; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal

Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama; pengarah-pengarah; ketua-ketua jabatan serta para pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis juga turut diserikan dengan kehadiran mantan-mantan pemimpin Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah. Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohammad, Pengetua Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah. Diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an, dan disusuli oleh nyanyian lagu kebangsaan serta lagu rasmi sekolah.

Atur cara turut diisikan dengan Membaca Tahlil dan Doa bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya, bacaan Doa Kesyukuran dipimpin oleh Yang Mulia Awang Mohammad Saiful Wafi bin Haji Adis. Kemudiannya, persembahan puisi, sebelum beralih kepada acara perasmian logo baharu madrasah yang diadakan di ruang legar pentadbiran. Acara turut disempurnakan dengan pelancaran buku 'Menyingkap Kenangan, Meniti Sejarah' oleh tetamu kehormat majlis.

Mengimbu sejarah penubuhannya, upacara perletakan Batu Asas Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah telah disempurnakan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien pada 17 Jamadilawal 1384 Hijrah bersamaan 24 September 1964. Pembinaannya menelan belanja kira-kira dua juta ringgit dan siap pada tahun 1966, sebelum dirasmikan pembukaannya oleh baginda pada awal Mei 1967.

Keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap persekolahan Arab dicerminkan melalui keberangkatan baginda mengunjungi sekolah berkenaan sebanyak lima kali, bermula pada tahun 2002, diikuti pada tahun 2007, 2012, 2016 dan 2018. Keprihatinan baginda terhadap perkembangan sekolah-sekolah Arab diserlah lagi melalui perkenan baginda bagi penyelarasan nama Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah kepada Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah pada 29 Mac 2025 yang lalu.

HARI APRESIASI KHEU 2025

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



ANTARA Qari yang menerima sijil penghargaan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Jamadilakhir bersamaan 27 November

- Sebagai tanda penghargaan atas pencapaian yang telah diraih oleh warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta jabatan-jabatan di bawahnya, dan bagi menghargai perkhidmatan serta jasa baik yang telah dicurahkan oleh pegawai-pegawai serta kakitangan yang bersara, kementerian ini mengendalikan Hari Apresiasi KHEU bagi Meraikan Pencapaian-Pencapaian Sepanjang Tahun 2025 bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah, diikuti ucapan alu-aluan dan penghargaan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Dalam ucapannya, Awang Haji

Mohammad Rosli antara lain menjelaskan bahawa Hari Apresiasi KHEU bagi Meraikan Pencapaian-Pencapaian Sepanjang Tahun 2025 merupakan sebuah majlis yang memfokuskan kesungguhan, ketekunan dan dedikasi seluruh warga kementerian dalam menggalas amanah, memperkukuh dan memartabatkan pembangunan keagamaan negara, yang menjadi asas kepada kemakmuran, keharmonian, dan keberkatan Negara Brunei Darussalam.

Setelah itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyempurnakan penyampaian sijil dan cenderamata kepada para penerima yang diraikan. Sebanyak 166 sijil penghargaan dan cenderamata telah disampaikan kepada para penerima yang terdiri daripada empat orang Pemenang Musabaqah Membaca al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi dari KHEU; empat orang Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-32 Tahun 2025; dua orang Penerima Anugerah Guru Cemerlang Sempena Sambutan Hari Guru Kali Ke-35, Tahun 2025; lapan orang Penerima Anugerah Penghargaan Hari Guru (Special Mention) sempena Sambutan Hari Guru Kali Ke-35, Tahun 2025; dan 148 orang pegawai dan kakitangan KHEU yang bersara.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid An-Na'im Kampung Panchor Mengkubau, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Mohd. Saifullah bin Haji Rosli. ■



TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA ROMBONGAN MENTERI SINGAPURA

Oleh : Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Jamaluddin



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan hormat daripada Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan Kementerian Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura

BANDAR SERI BEGAWA, Isnin, 4 Jamadilakhir bersamaan 24 November

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Prof Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim, Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan Kementerian Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura yang sedang dalam rangka lawatan ke negara ini selama 2 hari bermula dari 24 hingga 25 November 2025. Kunjungan hormat diadakan di Conference Room, Main Building, The Empire Brunei.

Semasa kunjungan hormat ini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam dan Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam merangkap Menteri Negara Kanan Kementerian Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura telah berbincang mengenai usaha mengukuhkan lagi kerjasama dua hala antara kedua-dua buah negara, khususnya dalam perkhidmatan ugama antara Majlis Ugama Islam Singapura dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sejurus selepas kunjungan hormat, Majlis Makan Malam telah diadakan di Pantai Restaurant, The Empire Brunei, dihoskan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam.

Majlis ini bertujuan untuk meraikan Tuan Yang Terutama Prof Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim, Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam Merangkap Menteri Negara Kanan Kementerian Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura bersama delegasi sekaligus memupuk hubungan dua hala yang

lebih erat antara kedua-dua negara dalam bidang hal ehwal ugama dan pendidikan Islam. Selain itu, membuka ruang untuk bertukar pandangan mengenai inisiatif yang memberi manfaat kepada pembangunan umat Islam sambil menzahirkan semangat persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua pihak dalam suasana mesra.

Hadir di majlis Makan Malam ini ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Tuan Yang Terutama Laurence Bay, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam; Mr. Shawn Grosse, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abd Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan); ketua-ketua jabatan dan bahagian serta para pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama.





JANGAN TINGGALKAN DOA DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ
عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

Terjemahan Makna Ayat:

“Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina”.

[Surah Ghafir: 60]



PDI_KHEU



PUSAT DA'WAH ISLAMIAH



MINDA ISLAMI

Tayamum

hanya sah dikerjakan sekali setiap satu sembahyang fardhu dan beberapa sembahyang sunat sahaja

- Ketiadaan air.
- Jika alasan bertayamum kerana ketiadaan air, hendaklah ia berusaha mencari air terlebih dahulu.
- Berhalangan menggunakan air kerana keuzuran.
- Terdapat air namun hanya cukup bagi keperluan utama seperti minum.
- Masuk waktu sembahyang.
- Tanah yang digunakan hendaklah tanah suci yang berdebu dan belum digunakan.

Syarat Sah Tayammum

Rukun Tayammum

- Niat
- Memindahkan debu tanah ke wajah ketika bacaan niat.
- Menyapu debu tanah ke wajah.
- Menyapu debu tanah ke tangan sehingga siku.
- Tertib

- Perkara yang sama membatalkan wudhu.
- Jika alasan bertayammum kerana ketiadaan air, tiba-tiba mendapat air yang mencukupi untuk berwudhu maka batallah tayammumnya.
- Keuzuran yang menghalangnya menggunakan air telah sembuh.
- Merasa waham (ragu / was-was) akan keadaan air sebelum mengerjakan sembahyang.
- Murtad.

Membatalkan Tayammum

MALAM MUNAJAT ANJURAN KHEU KALI KE-205 BERSAMA PENUNTUT-PENUNTUT NBD DI UNITED KINGDOM

Oleh : Azizah Hidup



Amirul Sarni, President Student Ireland bersama dengan penuntut-penuntut dari University College Dublin, Ireland.

Diikuti dengan bacaan surah al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Awang Muhammad Ifwat Danish bin Adri, Timbalan Eksekutif Serantau bagi tadahan North bersama dengan penuntut-penuntut dari Lancaster University, United Kingdom. Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Yang Mulia Awang Royzime bin Alias, Ataci Pendidikan Pegawai Keagamaan bersama Pegawai Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam, Pengurus Brunei House serta Pegawai Agensi Pelaburan Brunei Cawangan London dan Pegawai Unit Penuntut-Penuntut Negara Brunei Darussalam dari Brunei House, London, United Kingdom.

BANDAR SERI BEGAWA, Sabtu, 11 Jamadilawal bersamaan 1 November

– Setiap perjalanan bermula dengan niat. Sepertimana sabda Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*: “*Innamal a'mālu binniyyāt*” yang bererti sesungguhnya segala amalan bergantung kepada niat. Barang siapa menempuh jalan untuk mencari ilmu, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan memudahkan baginya jalan menuju syurga (Hadits Riwayat Muslim). Manakala Perantaraan bukan sekadar berpindah tempat, tetapi sebuah madrasah kehidupan yang mengajar erti sabar, berdikari, disiplin, dan rendah hati. Tarbiyah pula bukan hanya berlaku di dalam kelas, tetapi terserlah dalam setiap ujian seperti kesejukan musim, rindu kepada keluarga, pengurusan masa, dan kekuatan iman. Setiap pengalaman di bumi asing adalah guru yang mendidik seperti bahasa, budaya, hingga masyarakat setempat semuanya menyumbang kepada pembentukan jiwa yang matang dan berempati. Sembahyang, zikir, dan majlis ilmu

menjadi benteng rohani yang menjaga iman dan identiti. Ilmu yang ditimba bukan untuk diri sendiri semata-mata, tetapi merupakan amanah untuk kembali membina masyarakat. Oleh itu, pulanglah bukan hanya dengan segulung sijil, tetapi dengan hikmah, akhlak, dan jiwa yang terdidik, itulah sebenar-benarnya kejayaan seorang musafir ilmu.

Demikian antara intipati tazkirah bertajuk “Musafir Ilmu: Dari Tanah Air Ke Bumi Tarbiyah” yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Mohd Khairul Nazif bin Haji Awang Damit, Calon Doktor Falsafah (Pengajian Hadits), dari University of Leeds, United Kingdom bagi menyerikan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama kali Ke-205 bersama penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam di United Kingdom.

Acara dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dipimpin oleh Yang Mulia Awangku Md Raihaan Zeyad bin Pengiran Md

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat As-Syifa beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Awang Muhammad Amin Hakim bin Haji Sabri, President Brunei Hall, United Kingdom bersama dengan Penuntut-Penuntut Brunei Hall dan Brunei House dari Brunei House, London, United Kingdom.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Mulia Awang Mohammad Sahzwan bin Lamat, Yang Di-Pertua BruROSA 2025/2026, dari Loughborough University, United Kingdom.

Acara Munajat juga turut disertai oleh para jemaah dari beberapa buah masjid seluruh negara, warga kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama serta individu secara maya dari kediaman masing-masing. ■

PROGRAM PEDULI UMMAH: BRUNEI 4 GAZA – SOLIDARITI MASYARAKAT BRUNEI UNTUK PALESTIN

Oleh : Dahlan Chuchu

GADONG, Ahad, 13 Rabiulakhir bersamaan 5 Oktober – Program Amal Tabung Kemanusiaan Palestin Peduli Ummah: Brunei 4 Gaza berjaya menghimpunkan masyarakat Brunei dalam satu acara solidariti kemanusiaan yang penuh makna, sempena acara kemuncak yang diadakan di Rimba Point, Gadong.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh tetamu kehormat iaitu Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Umma dan Datin. Kehadiran beliau beserta Datin menyerikan lagi usaha kolektif yang dijalankan oleh kumpulan beliau di bawah Kementerian Hal Ehwal Umma bersama badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat awam dalam menyokong perjuangan rakyat Palestin.

Turut hadir ialah Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Umma dan Isteri; Yang Mulia Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid; pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Umma serta para penaja bagi majlis tersebut.

Program ini menerima sambutan yang amat menggalakkan, termasuk penyertaan seramai 290 orang dalam Larian Virtual 30 kilometer: Brunei Bersamamu, Gaza! sebagai simbol langkah solidariti, serta 23 penyertaan bagi Pertandingan Mencipta Video Da'wah 4.0 bertemakan Peduli Ummah: Brunei 4 Gaza, yang menonjolkan kreativiti beliau dalam menyampaikan mesej da'wah melalui medium digital.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Umma hadir selaku tetamu kehormat di Perasmian Program Amal Tabung Kemanusiaan Palestin Peduli Ummah: Brunei 4 Gaza.

Pelbagai aktiviti sampingan turut diadakan, termasuk pameran, jualan amal, forum perkongsian ilmu, aktiviti kanak-kanak Brunei Kidz 4 Gaza 2.0, serta persembahan khas yang memeriahkan acara.

Sesi perkongsian ilmiah bertajuk Palestin: Dari Sejarah ke Realiti Kini, Apa Peranan Kita? disampaikan oleh Yang Mulia Awang Muhammad Yusof bin Haji Abdul Majid. Beliau menekankan kepentingan memahami sejarah panjang Palestin sebagai tanah suci Islam serta menyeru umat Islam agar terus memberikan sokongan melalui doa, kesedaran dan sumbangan.

Manakala *Talkshow*: Gaza di Hati Kitani, menampilkan Dr. Kamaru Salam bin Yusof dan Dr. Widad binti Dato' Dr. Haji Abdul Aziz, Pensyarah Fakulti Undang-Undang UNISSA, membincangkan peranan masyarakat Brunei dalam menzahirkan empati dan solidariti terhadap rakyat Gaza. Kedua-dua panelis menegaskan bahawa isu Palestin merupakan isu kemanusiaan dan akidah yang

perlu sentiasa dihayati melalui amal kebajikan, media sosial, dan pendidikan generasi muda.

Sementara itu, Forum Perdana: Sebarkan Cinta, Satukan Doa, menampilkan Dr. Haji Md Rozan bin Dato Paduka Haji Mohamed Yunos serta Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin, menekankan kepentingan doa yang ikhlas, penyatuan hati umat Islam, serta usaha bersama dalam menyemai kasih sayang dan solidariti demi Palestin.

Penganjuran program ini bukan sahaja bertujuan mengumpul dana untuk Tabung Kemanusiaan Palestin, tetapi juga sebagai platform untuk menyemai kesedaran, membina empati, dan menggerakkan masyarakat bagi menyertai kerja amal. Program ini turut mendapat sokongan dan tajaan daripada pelbagai pihak. ■

PENANDATANGANAN PERJANJIAN PENGURUSAN HAJI BAGI JEMAAH HAJI NBD TAHUN 1447H/2026M

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



SESI Penandatanganan Pengurusan Haji Negara Brunei Darussalam dan Pengurusan Haji Arab Saudi.

ARAB SAUDI, Sabtu, 17 Jamadilawal bersamaan 8 November - Perjanjian Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam Tahun 1447H/2026M telah dimeterai di Arab Saudi.

Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Mulia Dr. Abdul Fattah bin Sulaiman Mashat, Timbalan Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi di Hotel Assila, Jeddah, Arab Saudi.

Sebelum majlis penandatanganan tersebut dimulakan, satu perjumpaan dua hala telah diadakan bagi membincangkan hal ehwal pengurusan jemaah haji Negara Brunei Darussalam bagi musim haji tahun 1447H / 2026M nanti.

Turut hadir pada majlis tersebut, Tuan Yang Terutama Haji Harun bin

Haji Junid, Duta Besar, Mutlak dan Istimewa Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Pemangku Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di Jeddah dan rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang akan menghadiri 5th Edition of the Hajj Conference and Exhibition di Arab Saudi.

Perjanjian Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam Tahun 1447H/2026M yang ditandatangani tersebut

adalah merupakan kesinambungan hasil Mesyuarat Pengurusan Hal Ehwal Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam bagi Musim Haji Tahun 1447H / 2026M yang telah diadakan secara dalam talian sebelumnya, yang memfokuskan keteraturan pengurusan jemaah haji mengikut peraturan dan tempoh masa yang telah ditetapkan bagi memastikan jemaah haji dapat melaksanakan manasik haji dalam keadaan selamat dan teratur.

Selain menandatangani perjanjian dan mengadakan perjumpaan dua hala tersebut, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam beserta rombongan akan menghadiri Majlis Perasmian 5th Edition of the Hajj Conference and Exhibition yang akan diadakan pada 9 November 2025 dan atur cara yang telah disusun lainnya. ■



MENGHADAPI TAHUN BAHARU DENGAN IMAN DAN TAQWA

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



usia kita semakin berkurang dan perjalanan kita menuju akhirat semakin hampir. Menghadapi tahun baharu dengan iman dan taqwa bermaksud kita tidak menjalani kehidupan secara lalai, sebaliknya hidup dengan penuh kesedaran bahawa hidup ini adalah amanah, setiap ni'mat akan dipersoalkan dan kesedaran bahawa setiap amalan akan dihisab.

Awang Haji Hazimin seterusnya menyatakan Islam hanya melarang kelalaian dan kemajuan yang membawa kepada maksiat. Bahkan, Islam menggalakkan umatnya menjadi kuat, berilmu dan maju. Marilah kita menyambut tahun baharu bukan dengan kelalaian dan pembaziran tetapi dengan rasa kesyukuran, kesedaran diri serta keazaman untuk berubah ke arah yang lebih baik.

TEMBURONG, Ahad, 1 Rejab

bersamaan 21 Disember – Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci al-Qur'an serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Acara munajat tersebut turut dihadiri oleh Belia Masjid Harakatul Adzkia, jemaah daripada beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan juga individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah

dipimpin oleh Penghulu Mukim Zon I, Daerah Temburong, Awang Arbi bin Haji Shahari, diikuti dengan bacaan surah al-Waqi'ah beramai-ramai dipimpin oleh Imam Tingkat III, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Norezam bin Zaini.

Tazkirah bertajuk 'Menghadapi Tahun Baharu dengan Iman dan Taqwa Tanpa Meninggalkan Kemajuan Dunia' telah disampaikan oleh Awang Haji Hazimin bin Haji Metali selaku Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi menyerikan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-212 yang bersiaran dari Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Menyentuh mengenai tahun baharu bukan sekadar perubahan tarikh atau pertambahan angka pada kalendar. Hakikatnya, setiap kali tahun berganti,

Acara munajat tersebut turut dihadiri oleh Belia Masjid Harakatul Adzkia, jemaah daripada beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama dan juga individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyah dipimpin oleh Belia Masjid Harakatul Adzkia, Awang Muhammad Hakim bin Md Amin, kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Ketua Kampung Bokok, Daerah Temburong, Awang Abdul Mu'iz bin Haji Kadir.

Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini. ■

GALAKKAN PENGLIBATAN BELIA DALAM AKTIVITI AMAL

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



PENYERAHAN sumbangan berupa barangan keperluan sekolah disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

TUNGKU, Ahad, 16 Jamadilakhir bersamaan 7 Disember

Kumpulan Belia Masjid Ashabul Haliim, Belia Masjid Pengiran Muda Abdul Malik dan Belia Ashabul Akhyar, Belia Masjid Kampung Lumapas dengan kerjasama Belia Masjid Senegara serta sokongan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan program 'Belia Masjid Prihatin 3.0: Tahaddu Tahabbu & Back to School Special' bermula pada 17 November hingga 4 Disember.

Program berkenaan merupakan inisiatif kutipan sumbangan daripada orang ramai dalam bentuk peralatan sekolah bagi membantu anak-anak yatim serta keluarga yang kurang berkemampuan.

Majlis penyerahan sumbangan program tersebut mengambil tempat di Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Kampung Tungku. Penyerahan sumbangan berupa barangan keperluan sekolah berkenaan disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Atur cara penyerahan sumbangan dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah, Saiyidul Istighfar serta doa, diikuti dengan bacaan tilawah al-Quran beserta penyampaian inti sari ayat yang telah diperdengarkan.

Majlis turut menyaksikan penyampaian sumbangan kepada 32 orang penerima, dan diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Antara tujuan program ini adalah bagi membantu murid-murid dari keluarga asnaf agar dapat meneruskan pembelajaran dan meningkatkan prestasi akademik melalui sokongan moral serta bantuan daripada komuniti.

Di samping itu, program bertujuan menggalakkan penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti amal serta memupuk semangat keprihatinan dan kasih sayang terhadap golongan memerlukan.

Program juga dihasratkan untuk mengimarahkan masjid sebagai pusat masyarakat Islam dengan menarik lebih ramai penduduk untuk menyertai aktiviti kemasyarakatan, serta membentuk komuniti Islam yang harmoni dan bertanggungjawab melalui penerapan nilai ringan tulang, peduli dan saling membantu sesama sendiri.

Program ini diharap akan dapat melahirkan masyarakat yang prihatin dan dermawan sekali gus mengajak masyarakat untuk saling memberi, selain memperbanyakkan amalan semata-mata untuk mendapat keredaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.



GAMBAR ramai bersama tetamu kehormat Majlis

OKU CIPTAAN ALLAH PENUH HIKMAH, KEMULIAAN

Oleh : Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Jamaluddin



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Jamadilakhir bersamaan 7 Disember - Program Malam Munajat disertai oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jemaah daripada beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan juga individu yang mengikuti program berkenaan secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dipimpin oleh Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, KKBS, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan), Kampung Bengkurong.

Bacaan surah al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Ketua Unit Sekolah Ugama, Bahagian Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam (JPI), KHEU, Awang

Haji Mohammad Suffri Sofian bin Haji Mohammad Umar, dari Pusat Ehsan.

Tazkirah telah disampaikan oleh Penolong Pensyarah Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Hilman bin Haji Salim, bagi menyerikan Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama kali Ke-210 sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) Tahun 2025. Antara tazkirahnya menjelaskan bahawa dalam Islam, orang kelainan upaya (OKU) bukan kekurangan tetapi ciptaan Allah yang penuh hikmah dan kemuliaan. al-Qur'an menegaskan manusia dicipta dalam sebaik-baik kejadian, dan kerana itu, Islam mengharamkan segala bentuk penghinaan, diskriminasi, atau merendahkan mereka.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menunjukkan teladan jelas melalui layanan baginda terhadap sahabat

OKU seperti Ibn Umm Maktum, yang bukan sahaja dimuliakan bahkan diberi amanah besar sebagai mu'azzin, guru al-Qur'an, dan penjaga Madinah ketika Nabi keluar berperang.

Sejarah Islam turut membuktikan bahawa ramai tokoh besar merupakan individu OKU yang menjadi aset ummah. Antaranya 'Ataa' ibn Abi Rabaah (27 Hijrah (H) hingga 114H), seorang ulama tabi'in yang buta dan lumpuh separa, namun dilantik sebagai mufti besar Mekah dan menjadi guru kepada generasi tabi'in serta perawi utama ilmu fiqh dan tafsir.

Jelasnya lagi, begitu juga al-A'mash, Sulaiman ibn Mihran (61H hingga 148H), seorang tabi'in kecil yang rabun dan lemah fizikal, tetapi beliau menjadi antara perawi hadits paling tsiqah (kredibel) dan rujukan utama dalam ilmu sanad hingga hari ini.

Tambahnya, mereka membuktikan bahawa potensi, ilmu dan kepimpinan tidak terhalang oleh kekurangan fizikal. OKU juga mempunyai hak sosial, pendidikan dan ibadah, termasuk 'rukhsah' yang menunjukkan rahmah syariat.

"Mereka bukan beban, tetapi sebahagian daripada kekuatan ummah. Oleh itu, masyarakat dan institusi bertanggungjawab menyediakan sokongan, akses dan peluang yang adil untuk memuliakan mereka, agar komuniti kita menjadi lebih penyayang, inklusif dan diberkati Allah," ■

FIRQAH AL-KHALIL, DHIYA'UL IMAN MUSLIMAH JOHAN PERTANDINGAN NASYID

Oleh : Pengiran Yusdi Pengiran Rumbli

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 04 Jamadilawal bersamaan 26 Oktober - Kumpulan Firqah Al-Khalil yang membawakan lagu 'Negara Zikir Amalkan Al-Qur'an' dan Kumpulan Dhiya'ul Iman Muslimah dengan lagu 'Sahmura' masing-masing muncul johan bagi kategori lelaki dan kategori perempuan dalam Pertandingan Nasyid 2025 Peringkat Akhir anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Tempat kedua disandang oleh kumpulan Firqah Arroja dengan lagu 'Samar Cahaya Fana' dan kumpulan Amiratul Mumtazah dengan lagu 'Cahaya RahmatMu', sementara tempat ketiga jatuh kepada kumpulan Harakatul Adzkia dengan lagu mereka 'Menggalas Perjuangan' dan kumpulan Al-Baheerah dengan lagu 'Brunei Negara Rahmat dan Berkah'.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.



SETIAUSAHA Tetap, KHEU menyampaikan hadiah kepada antara pemenang Pertandingan Nasyid anjuran RTB.

Di peringkat akhir ini, finalis dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kategori lelaki (empat kumpulan) dan kategori perempuan (empat kumpulan), di mana setiap kumpulan mencipta sendiri sebuah lirik lagu dan irama nasyid dalam Bahasa Melayu untuk dipertandingkan.

Juara pertandingan masing-masing menerima BND3,000 berserta trofi dan sijil penyertaan, sementara tempat kedua membawa pulang hadiah BND2,500 berserta trofi dan sijil penyertaan, manakala tempat ketiga memenangi BND1,500 berserta trofi dan sijil penyertaan, dan para penerima sagu hati masing-masing

menerima BND1,000 berserta trofi dan sijil penyertaan.

Kumpulan Dhiya'ul Iman Muslimah juga turut menerima hadiah bagi Persembahan Terbaik dengan membawa pulang BND700 dan trofi.

Objektif pertandingan nasyid diadakan adalah untuk menjadikan seni nyanyian bercorak keagamaan Islam sebagai salah satu alternatif kaedah berdakwah, selaras dengan konsep negara ini sebagai sebuah negara zikir yang berpaksikan konsep Melayu Islam Beraja.

Antara kumpulan yang menyertai pertandingan nasyid kali ini adalah terdiri daripada Firqah Arroja; Amiratul Mumtazah; Harakatul Adzkia; Firqah Lahn Hidayah; Firqah Ijtihadun; Dhiya'ul Iman Muslimah; Firqah Al-Khalil; dan Al-Baheerah.

Hadir sama menyaksikan pertandingan tersebut, Pemangku Timbalan Pengarah (Kemajuan) RTB; pegawai-pegawai kanan dan kakitangan RTB.

Pertandingan peringkat akhir ini turut disiarkan secara langsung menerusi Rangkaian Radio Nur Islam, RTB Aneka dan RTBGo. ■



LAWATAN RASMI DELEGASI MAJLIS PERUNDINGAN PERTUBUHAN ISLAM MALAYSIA (MAPIM) KE KHEU

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



DELEGASI Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) membuat lawatan rasmi ke Kementerian Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWA, Sabtu, 8 Jamadilakhir bersamaan 29 November – Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menerima lawatan rasmi daripada delegasi Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) yang diketuai oleh Yang Berbahagia Mohd Azmi Abdul Hamid, Presiden MAPIM, bersama Yang Berbahagia Datuk Wira Shekh Abdul Ghani Samsudin, Pengerusi Sekretariat Himpunan Ulama Rantau Asia (SHURA), beserta ahli rombongan. Lawatan tersebut diadakan di Bilik Mawar, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Mengalu-alukan kehadiran delegasi tersebut ialah Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dalam ucapan alu-aluan, Yang Mulia Setiausaha Tetap menzahirkan penghargaan atas kesudian pihak MAPIM mengadakan kunjungan rasmi ke kementerian ini sebagai sebahagian daripada rangka lawatan mereka ke Negara Brunei Darussalam. Beliau turut menekankan bahawa pertemuan seumpama ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim serta membuka peluang kerjasama dalam bidang da'wah, pendidikan Islam

dan usaha memperkasa kesejahteraan umat Islam di rantau ini.

Hadir sama dalam sesi perjumpaan tersebut ialah Yang Mulia Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid; Yang Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah; Yang Mulia Dayang Haslinah Susanti binti Haji Mohd Hassan, Pemangku Pengarah Pengajian Islam; Yang Mulia Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, Pengetua Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Selaku Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS;

Yang Mulia Pengiran Muhammad Azrin bin Pengiran Jarail dari Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS; serta pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama yang lain.

Dalam sesi perjumpaan tersebut, perbincangan bersama delegasi MAPIM meliputi pertukaran pandangan mengenai bidang-bidang kerjasama berpotensi, khususnya dalam pembangunan da'wah, penyebaran ilmu, pendidikan al-Qur'an serta inisiatif pengukuhan jaringan institusi Islam Islam serantau, serta peranan masjid sebagai pusat pembangunan komuniti umat Islam. ■



MUSABAQAH MEMBACA AL-QUR'AN DAN MENGHAFAZ SURAH-SURAH LAZIM BESERTA PEMAHAMANNYA BAGI MUALLAF SENEGARA

Oleh : Azizah Hidup



Johan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Lelaki, Awang Muhammad Faizul bin Muhammad Azlan menerima trofi hadiah pemenang yang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama

PULAIE, Rabu, 16 Rabiulakhir bersamaan 8 Oktober –

Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil Musabaqah Membaca Al-Qur'an dan Menghafaz Surah-Surah Lazim Berserta Pemahamannya bagi Muallaf Senegara sempena Jubli Delima Pusat Da'wah Islamiah I447H/2025M telah diadakan dengan jayanya di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis ini telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abd Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar, surah al-Fatihah dan doa, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Musabaqah. Keputusan pertandingan telah diumumkan oleh Pengerusi Jemaah Hakim, Yang Mulia Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin, Penolong Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah.

Sebanyak empat kategori telah dipertandingkan, iaitu kategori Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Lelaki; kategori Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Perempuan; kategori Musabaqah Menghafaz Surah-Surah Lazim Berserta Pemahaman Bahagian Lelaki; dan kategori Musabaqah Menghafaz Surah-Surah Lazim Berserta Pemahaman Bahagian Perempuan.

Seramai 36 peserta muallaf dari keempat-empat daerah telah mengambil bahagian, terdiri

daripada 25 peserta (9 lelaki dan 16 perempuan) bagi kategori Membaca Al-Qur'an, dan 11 peserta (4 lelaki dan 7 perempuan) bagi kategori Menghafaz Surah-surah Lazim Berserta Pemahamannya.

Surah-surah yang dipertandingkan bagi kategori Membaca Al-Qur'an ialah bagi Lelaki membaca surah al-Mu'minin dan surah an-Nur; dan bagi Perempuan membaca surah al-Isra' dan surah Yunus.

Manakala bagi kategori Musabaqah Menghafaz Surah-Surah Lazim Berserta Pemahamannya peserta Lelaki menghafaz surah adh-Dhuha, surah at-Tin, surah al-'Adiyat dan surah asy-Syarah; dan peserta Perempuan menghafaz surah al-Ma'un, surah at-Takatsur, surah az-Zalzalah dan surah al-Humazah.

Bagi Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Lelaki, Johan disandang oleh Awang Muhammad Faizul bin Muhammad Azlan, dengan markah 92.75% dan Johan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Perempuan disandang **26** oleh Yang Mulia Dayang **m.s.**



«25 Nurul'ain binti Mohd Redzuan, dengan memperoleh markah 85.25%. Johan membawa pulang Wang Tunai berjumlah satu ribu ringgit Brunei (\$1000), piala pusingan, piala iringan, senaskah Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya, serta sijil penghargaan.

Naib Johan disandang oleh Yang Mulia Awang Haji Muhammad Nabil Hafizuddin bin Abdullah Hussin, dengan memperoleh markah 84% dan Naib Johan Perempuan disandang oleh Yang Mulia Dayang Hajah Norainie binti Abdullah, dengan markah 83.5%. Naib Johan menerima Wang tunai berjumlah Tujuh Ratus Ringgit Brunei (\$700), piala iringan, senaskah Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya, serta sijil penghargaan.

Tempat Ketiga ialah Yang Mulia Awang Muhammad Kamarul Nisa bin Abdullah, dengan memperoleh markah 81%, dan Tempat Ketiga bagi Perempuan disandang oleh Yang Mulia Dayang Sofiah binti Muhammad Faris, dengan markah 80.1%. Tempat Ketiga membawa pulang Wang tunai sejumlah Lima Ratus Ringgit Brunei (\$500), piala iringan, senaskah Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya, serta sijil penghargaan.

Bagi Musabaqah Menghafaz Surah-Surah Lazim Beserta Pemahaman pula Bahagian Lelaki, Johan disandang oleh Yang Mulia Awang Muhammad



Fadzil Eshan bin Haji Abdul Alyan, dengan markah 97%, dan Johan Bahagian Perempuan disandang oleh Yang Mulia Dayang Nurul Zariah Diyanah binti Muhammad Ali Arman, dengan markah 90.25%.

Naib Johan bagi lelaki Yang Mulia Awang Haji Muhammad Nabil Hakim bin Haji Muhammad Nabil Hafizuddin, dengan markah 96% dan Naib Johan bagi Perempuan ialah Yang Mulia Dayang Nurul Ayuni binti Ahmad Bukhari, dengan markah 90%. Tempat Ketiga bagi lelaki pula ialah Yang Mulia Awang Muhammad Irfan Hamizan bin Abdul Rahim, 93.75%, Tempat Ketiga bagi Perempuan ialah Yang Mulia Dayang Hajah Junaidah binti Abdullah, 81.25%.

Johan menerima Wang tunai Satu Ribu Ringgit Brunei (\$1000), piala pusingan, piala iringan, senaskah Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya, serta sijil penghargaan;

Naib Johan menerima Wang tunai Tujuh Ratus Ringgit Brunei (\$700), piala iringan, senaskah Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya, serta sijil penghargaan dan Tempat Ketiga menerima Wang tunai Lima Ratus Ringgit Brunei (\$500), piala iringan, senaskah Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya, serta sijil penghargaan.

Majlis turut diserikan dengan persembahan daripada Muhammad Faizul bin Muhammad Azlan, johan keseluruhan bagi kategori Musabaqah Membaca Al-Qur'an, diikuti dengan Muhammad Fadzil Eshan bin Haji Abdul Alyan, johan keseluruhan bagi kategori Musabaqah Menghafaz Surah-Surah Lazim Berserta Pemahamannya.

Musabaqah ini dianjurkan oleh Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) selama dua hari berturut-turut, iaitu pada 7 Oktober bagi kategori Musabaqah Membaca Al-Qur'an dan 8 Oktober bagi kategori Musabaqah Menghafaz Surah-Surah Lazim Beserta Pemahamannya. Penganjuran program ini diharapkan dapat terus menyemarakkan semangat para muallaf untuk mendalami ajaran Islam melalui al-Qur'an serta memperkukuhkan kefahaman dan penghayatan mereka terhadap agama Islam. ■



SELAMAT HARI ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) SEDUNIA

لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَى حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرْجٌ
وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ
وَمَنْ يَتَوَلَّ يُعَذِّبْهُ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٧﴾

Terjemahan Makna Ayat:

“Tiada berdosa atas orang buta, orang tempang dan orang sakit (tidak turut berperang kerana masing-masing ada keuzuran). Dan sesiapa yang ta’at kepada Allah dan Rasul-Nya, nescaya Dia akan memasukkannya ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, tetapi sesiapa yang berpaling, Dia akan mengazabnya dengan azab yang pedih.”

(Surah Al-Fath Ayat 17)



Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah al-Maa'uun ayat 4,5 dan 6, terjemahan makna ayatnya:

Maka celakalah orang-orang bersembahyang. (Daitu) mereka yang lalai terhadap sembahyang mereka. (Juga) mereka yang berkeadaan riya'.

Ar-Riya'

Sifat menunjuk-nunjukkan amalan sama ada berbentuk ibadat atau perkara berkebajikan lain.

Memiliki ar-Riya' sangat dicela oleh syara' dan akan mendapat kecelakaan dan kebinasaan di kemudian hari.

PESERTA NEGARA MENGIKUTI 32ND WORLD COMPETITION OF THE NOBLE QUR'AN

Oleh : Dahlan Chuchu



Oleh : Pengiran Yusdi Pengiran Rumi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Jamadilakhir bersamaan 4 Disember - Peserta Negara Awang Ahmad Huzaifah bin Haji Awang Hasbi, telah berlepas meninggalkan Negara Brunei Darussalam bagi menyertai Musabaqah 32nd World Competition of the Noble Quran di Kaherah, Republik Arab Mesir yang diadakan pada 06 Disember 2025 hingga 10 Disember 2025.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Yang Mulia Datin Hajah Umiyati binti Haji Mohammad Noor, Pemangku Ketua Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam dan Yang Mulia Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Turut mengiringi peserta Negara, Yang Mulia Awang Mohammad Shah Abdul Afandi bin Muhammad Sahari, Pegawai

Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah selaku pengurus rombongan merangkap Jurulatih.

Yang Mulia Awang Ahmad Huzaifah bin Haji Awang Hasbi akan menyertai Musabaqah Menghafaz 30 Juz Al-Qur'an bagi yang tidak berbahasa

Arab. Beliau merupakan pelajar tahun 3 Diploma Tertinggi 'Aliah Qira'at, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan juga lulus ujian Tasmī' 30 Juz Al-Qur'an. ■



KUTIPAN DERMA MEMBANTU PERKHIDMATAN PENGURUSAN JENAZAH

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, **Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri** ketika menyempurnakan **Majlis Penyerahan Infraq** tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Jamadilakhir bersamaan 6 Disember - Sebanyak BND4,649.53 berjaya dikutip melalui Projek Amal bersama Mengalinga 3.0 'Pemeduliaan Ummah' yang dianjurkan oleh Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan kerjasama Perusahaan Din Al-Islam.

Projek tersebut bertujuan untuk mengutip derma bagi penyediaan set kelengkapan asas pengurusan jenazah bagi diagihkan di beberapa buah masjid terpilih di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Infraq Projek Amal bersama Mengalinga 3.0 'Pemeduliaan Ummah' berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei (PSB), di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan Majlis Penyerahan Infraq tersebut ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri. Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan bacaan Surah al-Fatihah, dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Kemudian, majlis diteruskan dengan penyampaian derma yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada empat buah masjid terpilih yang menerima tujuh set kelengkapan asas pengurusan jenazah bagi setiap masjid.

Masjid-masjid yang terpilih ialah Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong yang diterima oleh Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin; Masjid Kampung Pulaie, Daerah Brunei dan Muara, diterima oleh Awang Haji Muhammad Nuralif bin Haji Talib; Masjid Kampung Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu, diterima oleh Imam Masjid Kampung Limau Manis, Awang Haji Mohammad Asdey Hazabullah bin Haji Md. Zain; dan Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas, diterima oleh Awang Adey Aiman bin Haji Muhidin.

Pengutipan derma tersebut mula dibuka pada 1 hingga 30 November. Jumlah derma yang diterima hasil

kutipan berkenaan dapat menampung perbelanjaan bagi 28 set kelengkapan asas pengurusan jenazah.

Projek berbentuk bantuan atau sedekah dengan tema projek 'Bersama Mengalinga' merupakan salah satu Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PSB yang dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di negara ini.

Pusat Sejarah Brunei telah mengorak langkah projek amalnya melalui pendekatan yang berlainan dengan memfokuskan kepada menyalurkan bantuan kutipan derma bertema 'Pemeduliaan Ummah' bagi pembelian keperluan set jenazah yang diberikan kepada beberapa masjid terpilih berdasarkan nasihat syarikat Din Al-Islam iaitu sebuah perusahaan tempatan yang menyediakan perkhidmatan keperluan pengurusan jenazah, sebagai rakan kerjasama Pusat Sejarah Brunei. ■

KONVOKEYEN SKIM BIMBINGAN MUALLAF KALI KE-3 PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim

BERAKAS, Sabtu, 3 Jamadilawal bersamaan 25 Oktober – Seramai 152 orang muallaf menerima Sijil Tamat Skim Bimbingan Lanjutan II di Majlis Konvokesyen Skim Bimbingan Muallaf Kali Ke-3 anjuran Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf).

Daripada jumlah muallaf berkenaan, seramai 47 orang adalah dari Daerah Brunei dan Muara, 41 orang dari Daerah Belait, 41 orang dari Daerah Tutong dan 23 orang dari Daerah Temburong telah berjaya menamatkan Skim Bimbingan Lanjutan II. Majlis konvokesyen diadakan di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Majlis konvokesyen ini diadakan dengan tujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada para muallaf yang telah menamatkan Skim-Skim Bimbingan Muallaf di bawah kendalian Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf), PDI dan Cawangan Da'wah di daerah-daerah. Di samping itu, untuk menghargai potensi dan komitmen para muallaf yang telah mengikuti program-program bimbingan yang disediakan.



Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil kepada para muallaf ialah Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Majlis dimulakan dengan lagu "Allah Peliharakan Sultan". Diikuti dengan bacaan Saiyidul Istighfar beramai-ramai, surah al-Fatihah dan surah adh-Dhuha yang dibacakan oleh Awang Haji Muhammad Nabil Hafizuddin bin Abdullah Hussin, Naib Johan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Muallaf Senegara Sempena Jubli Delima PDI 1447H/2025M. Manakala inti sari dan pengajaran surah adh-Dhuha dibacakan oleh Dayang Nurfashihah

Amirah binti Abdullah Chua, Peserta Skim Bimbingan Lanjutan II, Cawangan Da'wah Daerah Tutong.

Seterusnya, ucapan alu-aluan oleh Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah PDI. Majlis turut diserikan dengan tayangan video pendek yang memaparkan memori pelaksanaan Skim Bimbingan Muallaf dan disusuli persembahan lagu Skim Bimbingan Muallaf bertajuk Insan Rabbani oleh gabungan tenaga pengajar dari empat daerah di bawah Skim Bimbingan Muallaf, PDI.

Sejurus itu, pengumuman Anugerah Peserta Terbaik Keseluruhan Skim Bimbingan Muallaf oleh Yang Mulia Awang Yusri bin Haji Abd Majid, Penolong Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf (Pengupayaan Muallaf), PDI dan diikuti dengan penyampaian sijil kepada peserta-peserta konvokesyen.

Dengan adanya majlis seumpama ini adalah diharap agar ianya dapat memperkukuhkan keyakinan diri para peserta untuk sentiasa mempelajari dan mengamalkan ilmu agama Islam di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan para peserta muallaf dari keempat-empat daerah



MAJLIS KHATAM AL-QUR'AN BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN PDI SEMPERA JUBLI DELIMA PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

Oleh : Azizah Hidup



PENGARAH PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh semasa memimpin memulai bacaan takhtim di Majlis Khatam Al-Qur'an Bagi Pegawai Dan Kakitangan PDI Sempena Jubli Delima Pusat Da'wah Islamiah.

PULAIE, Sabtu, 26 Rabiulakhir bersamaan 18 Oktober – Sebagai

usaha membudayakan pembacaan al-Qur'an dalam kalangan pegawai dan kakitangan, selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir, serta menghidupkan budaya kerja berpasukan dalam menjayakan setiap program dan kerja kebajikan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Sumber Manusia, Perancangan dan Penyelidikan menganjurkan Majlis Khatam Al-Qur'an Pegawai dan Kakitangan PDI Sempena Jubli Delima Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis ini diadakan bagi memperingati perasmian PDI pada 1 Muharam 1406 Hijrah bersamaan 16 September 1985 Masihi, dan telah diadakan di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah.

Selain itu, majlis ini juga bertujuan untuk menanam sikap menyanjungi dan memuliakan al-Qur'an, di samping merebut ganjaran pahala yang berlipat ganda serta meraih keberkatan daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Ia turut menggalakkan penglibatan pegawai dan kakitangan

dalam aktiviti keagamaan agar dapat dijadikan amalan harian.

Hadir selaku tetamu kehormat Majlis ialah Yang Mulia Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar, Selawat Tafrijiyyah dan surah al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat. Diikuti dengan bacaan Khatam al-Qur'an dari surah adh-Dhuha hingga surah an-Nas yang dibawakan oleh 40 orang pembaca al-Qur'an secara beramai-

ramai. Majlis diteruskan dengan bacaan takhtim dipimpin oleh Yang Mulia Awang Mohd Syahrol Syafiq bin Rashid, Penolong Pegawai Ugama, dan bacaan Tahlil dipimpin oleh Yang Mulia Awang Abdul Mu'iz bin Haji Jahair, Pegawai Da'ie (SkiPPA), diikuti dengan Doa Khatam Al-Qur'an yang dibacakan oleh Tetamu Kehormat.

Majlis turut diserikan lagi dengan Dikir Marhaban dan diteruskan dengan penyampaian sijil khatam yang disempurnakan oleh tetamu kehormat. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Mulia Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis ini diharap dapat membantu warga Pusat Da'wah Islamiah dalam memahami dan menghayati semua objektif yang telah digariskan dengan sempurna, khususnya dalam membudayakan pembacaan al-Qur'an. Secara tidak langsung, ia juga dapat membentuk akhlak dan pekerti yang mulia warga Pusat Da'wah Islamiah. ■



50 PESERTA SERTAI PROGRAM BIMBINGAN UMRAH UNTUK MUALLAF

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



SESI simulasi lengkap umrah yang turut disertai oleh tetamu kehormat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Jamadilawal bersamaan 11 November - Bagi memberikan

pendedahan, kefahaman serta keyakinan dalam mempersiapkan diri untuk menunaikan ibadah umrah dengan sempurna, selaras dengan tuntutan syara' dan kemampuan peserta, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Cawangan Da'wah Daerah Tutong telah menganjurkan Program Bimbingan Umrah untuk Muallaf bertemakan 'Rehlah Baitullah : Ilmu Sebelum Amal'.

Program yang juga bertujuan bagi terus menyemarakkan lagi syiar Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD) ini merupakan salah satu projek ilmiah yang diadakan di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Seramai 50 peserta yang terdiri daripada para muallaf dan 'non-muslim' dari Daerah Tutong telah menyertai program ini. Program dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi pagi merangkumi pengenalan ibadah umrah, rukun dan syarat umrah. Manakala sesi petang menampilkan simulasi lengkap umrah yang melibatkan pemakaian ihram, niat, tawaf, sa'ie dan tahalul.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Tutong, Yang Arif Awang Haji Muhammad Bahrin bin Haji Alias. Turut hadir, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman; Pemangku Pegawai Ugama Kanan PDI, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong; Penolong Ketua Pegawai Ugama Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, Awang Hamdani bin Othman; Penghulu

Mukim Pekan Tutong, Daerah Tutong, Awang Haji Salim bin Haji Othman serta para pegawai dan kakitangan dari PDI dan Cawangan Da'wah Daerah Tutong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis, Dayang Zikrinaidah binti Haji Mat Dikir, selaku Ketua Cawangan Da'wah Daerah Tutong. Majlis diteruskan dengan sesi simulasi lengkap umrah yang turut disertai oleh tetamu kehormat. Di akhir program, Doa Penutup dibacakan bagi memohon keberkatan.

Program ini dihasratkan menjadi titik tolak kepada para peserta untuk lebih mendalami ilmu agama, memperkukuh keimanan dan seterusnya melaksanakan ibadah umrah dengan penuh yakin dan sempurna. Semoga segala usaha yang dilaksanakan ini diberkati dan diterima sebagai amal jariah yang berpanjangan. ■



MEMBENTUK REMAJA MILIKI AKHLAK MULIA, KEYAKINAN DIRI

Oleh : Pengiran Yusdi Pengiran Rumbli



PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Yang Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman ketika berkesudian menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta Huffaz Junior 2025.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Jamadilakhir bersamaan 12 Disember - Seramai 30 peserta yang menyertai Program Huffaz Junior 2025 anjuran al-Huffaz Management diraikan pada majlis penutup yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta ialah Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah iaitu Yang Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman. Sementara itu, Pengasas dan CEO al-Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman al-Hakim bin Haji Hamdan dalam ucapannya antara lain menjelaskan bahawa Huffaz Junior 2025 mencapai matlamatnya dalam membentuk remaja yang bukan sahaja mahir dalam hafazan, tetapi turut memiliki akhlak mulia dan keyakinan diri. Menurutnya, program ini menggabungkan elemen rohani dan fizikal bagi memastikan peserta mendapat pengalaman pembelajaran yang seimbang, menyeronokkan dan memberi kesan jangka panjang

kepada perkembangan mereka sebagai generasi celik al-Qur'an.

Majlis tersebut turut disertai dengan persembahan bacaan hafazan surah al-Waqi'ah oleh para peserta sebagai simbolik pencapaian mereka sepanjang program. Para peserta terdiri daripada 19 lelaki dan 11 perempuan yang berumur antara 10 hingga 15 tahun yang menyertai program tersebut selama empat hari bermula pada 9 Disember yang lalu. Program ini dirangka khusus untuk membimbing para remaja dalam menghafaz surah al-Waqi'ah ayat

1 hingga 20 sambil memperkukuh bacaan, pemahaman serta kecintaan mereka terhadap al-Qur'an melalui pendekatan pembelajaran yang teratur dan interaktif.

Selain sesi hafazan, para peserta turut mengikuti aktiviti sunnah seperti memanah dan menunggang kuda, yang bertujuan membina disiplin, fokus, keyakinan diri serta kekuatan fizikal selaras dengan nilai tarbiah Islam. Gabungan pembelajaran rohani dan latihan jasmani ini memberikan pengalaman menyeluruh yang mendidik minda, akhlak dan karakter peserta. ■



PENGASAS dan CEO Al-Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan ketika menyampaikan ucapan.

KUNJUNGAN MUHIBAH MENGUKUHKAN SILATURRAHIM SAUDARA-SAUDARA BAHARU

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



BELAIT, Selasa, 11 Jamadilakhir bersamaan 2 Disember

– Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Cawangan Da'wah Daerah Belait dengan kerjasama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah mengadakan Lawatan Kerja ke Mukim Sukang dan Mukim Melilas melalui 'Program Ikatan Komuniti Strategik' di bawah Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial YSHHB.

Lawatan kerja ini dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Belait serta rombongan dari YSHHB yang diketuai oleh Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Awang Iswandy bin Ahmad.

Kunjungan muhibah dan lawatan kerja berkenaan meliputi Rumah Besar Sukang, Rumah Panjang Penan dan Rumah Panjang Julangan Titah Kampung Melilas.

Lawatan berkenaan bertujuan untuk memantau kebajikan dan kemaslahatan serta memberi bimbingan tarbiyyah kepada muallaf yang menetap di kedua-dua mukim berkenaan.

Jalinan kerjasama melalui lawatan kerja ini juga diharapkan dapat mengukuhkan serta mengembangkan

lagi kerjasama strategik YSHHB dan Cawangan Da'wah Daerah Belait dalam pelaksanaan program-program kemasyarakatan dan kebajikan khususnya bagi saudara-saudara baharu. Di samping itu juga, kedua-dua pihak dapat bersama-sama memperluaskan lagi usaha penyebaran dakwah dan pengukuhan syiar Islam di negara ini. ■



PROJEK FATHUL ILMI 1.0 BANTU ANAK-ANAK MUALLAF

Oleh : Azizah Hidup



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Jamadilakhir bersamaan 1 Disember. - Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dengan kerjasama Persatuan Nurul Islam (PNI) telah menganjurkan projek 'Fathul Ilmi 1.0' bagi Tahun 2025 sempena persediaan sesi persekolahan 2026.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis perasmian projek berkenaan ialah Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman yang berlangsung di Bilik Mauizhah, Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah.

Antara pengisian majlis perasmian berkenaan ialah menerima sumbangan daripada orang ramai kepada Pusat Da'wah Islamiah. Penerimaan sumbangan bagi projek berkenaan dibukakan kepada orang ramai selama empat hari bermula 1 hingga 4 Disember; mulai jam 8.30 pagi sehingga 11.30 pagi dan jam 2.00 petang sehingga 3.30 petang, bertempat di Bilik Mauizhah, Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah.

Adapun objektif projek berkenaan dilaksanakan adalah untuk mengumpulkan alat-alat persekolahan yang akan diserahkan kepada anak-anak muallaf. Selain itu, inisiatif berkenaan turut memberi peluang kepada warga Pusat Da'wah Islamiah dan orang awam untuk sama-sama berinfak serta membantu meringankan perbelanjaan keluarga muallaf dalam persiapan menyambut sesi persekolahan yang baharu.

Sebagai salah satu sarana da'wah dan rasa pemedulian pihak kerajaan,

khususnya Pusat Da'wah Islamiah dan persatuan-persatuan muallaf, projek berkenaan menyasarkan untuk memastikan anak-anak muallaf yang memerlukan dapat menikmati proses pembelajaran yang lebih dinamik dan inovatif.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin. Penolong Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf), Pusat Da'wah Islamiah. ■



PENGAGIHAN TAQWIM 2026 SEMPURNA DILAKSANAKAN DI KEEMPAT-EMPAT DAERAH

Oleh : Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Jamaluddin



PENGAGIHAN Taqvim 2025 secara pandu lalu dirasmikan pengagihan oleh Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Hajah Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut, di kawasan lobi, Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Jamadilakhir bersamaan 16 Disember – Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Kajian dan Penerbitan telah menerbitkan Taqvim 2026M (1447H-1448H) dan mengedarkannya kepada orang ramai secara pandu lalu di seluruh daerah mulai 25 hingga 26 Jamadilakhir 1447H bersamaan 16 hingga 17 Disember selama 2 hari.

Pengagihan kalendar tersebut dilaksanakan secara serentak di keempat-empat daerah pada 25 Jamadilakhir 1447H bersamaan 16 Disember 2025M. Bagi Daerah Brunei dan Muara, pengagihan diadakan di Ibu Pejabat Pusat Da'wah Islamiah, Balai Pameran serta di hadapan Lobi Darul Huda.

Sementara itu, bagi Daerah Belait, pengagihan dijalankan di kawasan

letak kereta (belakang) Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait. Bagi Daerah Tutong, pengagihan diadakan di kawasan Pejabat Ugama Daerah Tutong. Manakala bagi Daerah Temburong, pengagihan dilaksanakan di kawasan letak kereta Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar.

Sepertimana kelaziman, kalendar Taqvim yang diterbitkan turut mengetengahkan tema tertentu. Tema Taqvim bagi tahun ini ialah "Zakat Sebagai Mekanisme Kewangan Yang Vital." Selain memaparkan maklumat-maklumat penting, kalendar ini turut mengandungi informasi seperti tarikh puasa-puasa sunat, tarikh berlakunya gerhana bulan, serta tarikh-tarikh Istiwa' A'zham, iaitu peristiwa kedudukan matahari tepat di atas Kaabah.

Sehubungan itu, kalendar Taqvim ini bukan sahaja berfungsi sebagai rujukan tarikh dan waktu sembahyang, malah turut memberi manfaat dari sudut ilmu pengetahuan serta menjadi medium da'wah kepada masyarakat Islam, khususnya di Negara Brunei Darussalam. ■



DAERAH Belait, Pengagihan Taqvim 2025 dilaksanakan di kawasan letak kereta (belakang) Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.



PENGAGIHAN Taqvim 2025 bagi Daerah Tutong berlangsung di kawasan Pejabat Ugama Daerah Tutong.



KAWASAN letak kereta Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar menjadi tempat pengagihan taqvim 2025 dilaksanakan bagi Daerah Temburong.

LELAKI BERBANGSA CINA PELUK ISLAM

Oleh : Dahlan Chuchu



GAMBAR ketika Lim Chin Hock melafazkan ucapan dua kalimah syahadah dan sekarang dikenali sebagai Muhammad Halim bin Muhammad Faisal.

PULAIE, Sabtu, 29 Jamadilakhir bersamaan 20 Disember -

Seorang lelaki berbangsa Cina, Lim Chin Hock, 35 tahun telah memilih Islam sebagai pegangan hidupnya yang baharu dengan melafazkan dua kalimah syahadah dalam satu Majlis Pengislaman yang diadakan di Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis Pengislaman dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah, diikuti dengan lafaz dua kalimah syahadah oleh Lim Chin Hock di hadapan pegawai Bahagian Pengembangan Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah dan beliau kini dikenali dengan nama Islam, Muhammad Halim bin Muhammad Faisal.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati yang diiringi Dikir Marhaban sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Setakat 17 Disember tahun ini, seramai 253 orang telah memeluk agama Islam di seluruh negara, dan

daripada jumlah tersebut, 133 orang adalah dari Daerah Brunei dan Muara.

Bagi saudara-saudara baharu, majlis seumpama bukan sekadar satu acara rasmi, malah merupakan permulaan perjalanan hidup baharu berlandaskan iman, ilmu dan penghayatan ajaran Islam.

Penganjurannya juga menekankan, tanggungjawab bersama masyarakat dalam membimbing, menyokong dan memperkukuh keimanan para saudara baharu agar terus istiqamah serta menjadi anggota masyarakat yang berakhlak dan berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam. ■



Diari Hidayah



Majlis
Pengislaman
OKT DIS
2025

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا إِن يَنْتَهُوا يُغْفَرْ لَهُمْ مَّا قَدْ سَلَفَ وَإِنْ يَعُودُوا فَقَدْ مَضَتْ سُنتُ الْأَوَّلِينَ ﴿٣٨﴾

Mafhumnya:

Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) kepada orang-orang yang kafir itu jika mereka berhenti (daripada kekufuran dan memerangi Nabi), nescaya akan diampunkan dosa mereka yang telah lalu, dan jika mereka kembali (kepada kekufuran dan memerangi Nabi) maka sesungguhnya berlakulah (kepada mereka) sunnatullah terhadap orang-orang (yang kufur dan ingkar) dahulu (dengan cara membinasakan mereka)

Surah al-Anfaal ayat 38




STATISTIK PENGISLAMAN


Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2025

Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.

Brunei Muara




Tutong



Jumlah
Keseluruhan
JAN-DIS 2025
274 Orang

Belait



Temburong



PROGRAM 'ILM SERIES SIRI KE-23 DAN MOTIVASI AKADEMI DA'WAH KALI KE-3 (MoAD3) 1447H/2025M

Oleh : Dahlan Chuchu



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Jamadilawal bersamaan 26 Oktober – Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah telah menganjurkan Program 'Ilm Series Siri ke-23, yang menampilkan ceramah bertajuk "Selamat Tinggal Jahiliyah, Salam Hidayah!".

Program yang diadakan di Dewan Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah itu bertujuan untuk membimbing para belia serta masyarakat dalam menghayati makna sebenar perubahan diri dan menghargai nikmat hidayah sebagai anugerah tertinggi daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Program ini dibukakan kepada Ahli Jawatankuasa Belia Da'ie, Alumni Akademi Da'wah 5.0 serta orang awam, dan turut disiarkan secara langsung melalui *Instagram* rasmi Belia Da'ie bagi memberi peluang kepada masyarakat umum untuk turut serta mengikuti pengisian yang bermanfaat ini.

Ceramah pagi tadi disampaikan oleh Yang Mulia Dr. Kamaru Salam bin Yusof,

Penolong Profesor, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Dalam ceramah tersebut, penceramah menjelaskan bahawa "jahiliyah" bukan sekadar merujuk kepada zaman silam, tetapi turut wujud dalam bentuk moden seperti kelalaian terhadap agama, pengaruh hiburan melampau dan kecuaiian terhadap tanggungjawab akhirat. Beliau menegaskan bahawa setiap individu perlu berani berkata "selamat tinggal" kepada gaya hidup yang menjauhkan diri daripada Allah, serta menyambut "salam hidayah" dengan tekad untuk berubah ke arah kebaikan.



Antara intipati utama ceramah tersebut ialah memahami makna jahiliyah dan hidayah dalam konteks kehidupan masa kini, mengenali tanda-tanda seseorang sedang menerima hidayah, langkah-langkah praktikal dalam proses perubahan diri secara berperingkat dan istiqamah, cabaran dalam mengekalkan hidayah serta kepentingan sokongan komuniti soleh dan tanggungjawab menyebarkan cahaya hidayah kepada orang lain melalui dakwah dan teladan yang baik.

Penceramah turut menekankan bahawa perjalanan menuju hidayah adalah proses berterusan dan menuntut kesabaran, keikhlasan serta doa agar hati sentiasa tetap di jalan yang benar. Beliau mengakhiri ceramah dengan seruan agar para peserta menjadikan perubahan diri sebagai bentuk syukur atas kasih dan petunjuk Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Sambutan orang ramai adalah sangat menggalakkan iaitu seramai 60 orang telah menghadiri Program 'Ilm Series Siri ke-23. Program ini diharap dapat menyemarakkan semangat da'wah dalam kalangan belia, di samping membina generasi yang lebih berprinsip, berakhlak dan berjiwa hamba yang sentiasa mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.